



## **Meningkatkan Kebolehpasaran Murid-murid Orang Asli Semai melalui Projek Jualan Bakeri semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pandemik COVID-19**

## **Improving the Employability of Semai Indigenous Pupils through a Bakery Sales Project during the Movement Control Order (MCO) of COVID-19 Pandemic**

**Zainoriza Zainun<sup>1,2\*</sup>, Mohd Syafiq Aiman Mat Noor<sup>3</sup>, Satirah Ahmad<sup>4</sup>, Abdul Rahim Razalli<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Program Pendidikan Khas Integrasi, SMK Bandar Behrang 2020, Tanjong Malim, 35900 Perak, MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 35900, Perak, MALAYSIA

<sup>3</sup>UCL Institute of Education,  
University College London, Bloomsbury, WC1E 6BT, London, UNITED KINGDOM

<sup>4</sup>Jabatan Bahasa, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, 08000, Kedah, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.02.007>

Received 06 March 2021; Accepted 01 July 2021; Available online 30 September 2021

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menambah baik amalan pengamal-penyelidik sebagai guru Pendidikan Khas Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) dalam meningkatkan kebolehpasaran tiga murid orang asli Semai melalui projek jualan bakeri semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pengajaran kemahiran vokasional tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka dan sekiranya keadaan ini dibiarkan berlarutan, kebolehpasaran murid-murid orang asli Semai akan semakin merosot. Inisiatif projek jualan bakeri telah dijalankan sebagai intervensi yang menggabungkan dua sukatan mata pelajaran kemahiran vokasional bagi meningkatkan kebolehpasaran murid-murid yang diterjemahkan sebagai kebolehan teras dalam kurikulum pendidikan khas. Model kajian tindakan, kitaran tindakan-refleksi diimplementasikan dalam kajian ini melibatkan proses memerhati, mereflek, bertindak, menilai, mengubah suai dan seterusnya merancang tindakan baharu. Data dikumpulkan menggunakan data-data yang tersedia semasa projek jualan bakeri dijalankan, kemudian dianalisis secara kualitatif dan naratif. Kajian ini juga melibatkan kerjasama rakan-rakan kritis yang berperanan penting dalam usaha membina kredibiliti dan kesahan kajian. Selain itu, projek jualan bakeri telah dapat memberikan pendedahan kepada murid-murid terhadap persekitaran pekerjaan yang sebenar dengan menyetengahkan kebolehan teras iaitu: (i) aplikasi komunikasi, (ii) tingkah laku peribadi, (iii) budaya tingkah laku di tempat kerja, dan (iv) penyesuaian tingkah laku terhadap persekitaran, keselamatan dan kesihatan. Implikasi penting kajian ini adalah kepada pengamal-penyelidik dalam merancang, melaksanakan dan menilai strategi pengajaran dan pembelajaran harian yang menekankan kepada pembelajaran berasaskan kerja. Selain itu, pengajaran kurikulum vokasional melalui projek jualan bakeri menyetengahkan kepentingan pendidikan kepada murid-murid orang asli Semai bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan serta kualiti hidup yang baik pada masa hadapan.

**Kata kunci:** Kebolehpasaran, kemahiran vokasional, pendidikan khas, murid orang asli

**Abstract:** This study aimed to expand the skills of the practitioner-researcher as a Special Education teacher of Specific Vocational Skills (Bread Making). It sought to improve the employability of three Semai indigenous pupils through a bakery sales project during the COVID-19 pandemic in Malaysia. During the Movement Control Order (MCO), the teaching of vocational skills could not be carried out face-to-face, and if this situation continues, the employability of Semai aboriginal pupils will deficit. The bakery sales project initiative was carried out as an intervention that combined the syllabi of two vocational skills subjects to improve the employability of pupils. This translates as the core competencies in the special education curriculum. An action research model and action-reflection cycle was implemented in this study. This involved the process of observing, reflecting, acting, evaluating, modifying and moving in a new direction. Data were collected during the bakery sales project and were analysed qualitatively and narratively. This study also involved insights from peer researchers, who played an important role in ensuring the credibility and validity of the study. This study has improved the practitioner-researcher's content and pedagogy knowledge in developing meaningful and contextual teaching materials for pupils. In addition, the bakery sales project has been able to expose the pupils to the real work environment by highlighting core competencies, namely: (i) communication, (ii) personal behaviours, (iii) workplace culture, and (iv) behavioural adaptation to the environment, safety and health. Important implications of the study include improvements to how the practitioner-researcher plans, implements and evaluates daily teaching and learning strategies that emphasize work-based learning. In addition, the teaching of the vocational curriculum through a bakery sales project highlights the importance of education to Semai indigenous pupils to enable them to get a job as well as to attain a good quality of life in the future.

**Keywords:** Employability, vocational skills, special education, indigenous pupils

## 1. Pengenalan

Kebolehpasaran seseorang murid memainkan peranan penting dalam usaha menilai keberkesanan sistem pendidikan amnya dan kurikulum kemahiran vokasional khususnya (Ali et al., 2018). Fatima (2016) mendefinisikan kebolehpasaran sebagai keupayaan individu mendapat pekerjaan, kekal dalam sesuatu pekerjaan dan boleh menyesuaikan diri dalam sesuatu pekerjaan. Kebolehpasaran merupakan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi dan melengkapkan keperluan pekerjaan seperti kemahiran interpersonal dan tingkah laku yang baik (Mohamad Sattar et al., 2009; Mohamad Sattar & Puvanasvaran, 2009; Yusuf et al., 2015). Pandangan ini selari dengan gagasan awal sumber manusia atau modal insan yang menekankan kepada keperluan pendidikan dan latihan dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran individu untuk mendapatkan pekerjaan (Schultz, 1961).

Dengan itu, kajian ini merupakan sebahagian inisiatif pengamal-penyelidik untuk meningkatkan kebolehpasaran tiga murid orang asli Semai yang merupakan murid dalam Program Pendidikan Khas Integrasi. Murid-murid bukan sahaja perlu dipupuk dengan kemahiran vokasional seperti penyediaan produk bakeri, pemasaran dan jualan, malah

kemahiran asas pekerjaan seperti aplikasi komunikasi dan tingkah laku peribadi juga sama penting untuk diterapkan dalam kalangan murid semasa alam persekolahan mereka. Perkara ini merupakan cabaran kepada pengamal-penyelidik khususnya dalam bidang pendidikan khas dalam usaha memastikan murid-murid dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran tersebut bagi membolehkan mereka memasuki alam pekerjaan. Pengamal-penyelidik telah mengenal pasti isu dan permasalahan dalam konteks amalan profesionalisme sendiri melalui fasa tinjauan dan penilaian. Isu dan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti melibatkan tiga aspek amalan profesionalisme pengamal-penyelidik iaitu: (i) pendidikan khas dan kemahiran vokasional, (ii) konteks murid-murid orang asli Semai dan kebolehpasaran mereka, serta (iii) pengajaran kemahiran vokasional semasa PKP pandemik COVID-19.

## 2. Isu dan Permasalahan

Antara isu yang dapat diketengahkan dalam kajian ini adalah pendidikan khas dan kemahiran vokasional, konteks murid-murid orang asli Semai dan kebolehpasaran mereka serta pengajaran kemahiran vokasional semasa PKP pandemik COVID-19.

### 2.1 Pendidikan Khas dan Kemahiran Vokasional

“Kalau tidak dipecahkan ruyung, di mana boleh mendapat sagunya” merupakan peribahasa yang bermaksud sesuatu kejayaan itu tidak akan dapat dicapai tanpa usaha. Bagi mencapai sesuatu kejayaan, usaha yang dilakukan hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Peribahasa ini sinonim dengan perjalanan pengamal-penyelidik sebagai seorang guru pendidikan khas yang berusaha dengan sepenuh hati untuk menambah baik amalan pengajaran ekoran tidak mempunyai latar belakang yang khusus dalam bidang pendidikan khas. Kajian tindakan ini merupakan sebahagian daripada usaha pengamal-penyelidik untuk menambah baik amalan pengajaran dalam bidang pendidikan khas yang melibatkan pelbagai kategori murid dan ia menjadi cabaran dalam memberikan pengajaran yang bermakna dan kontekstual kepada mereka (O’Hanlon, 2009). Tambahan pula, pengamal-penyelidik dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik yang merupakan kurikulum baharu diperkenalkan pada tahun 2017 dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kemahiran vokasional dijadikan sebahagian daripada kurikulum pendidikan khas seperti yang dirangka PPPM untuk menyediakan akses alternatif kepada murid pendidikan khas bagi mengembangkan dan mempelbagaikan minat serta bakat mereka (KPM, 2013).

Sekolah merupakan institusi yang memulakan persediaan latihan vokasional secara praktikal bagi murid-murid pendidikan khas untuk membolehkan mereka menyesuaikan diri dalam sesuatu situasi di tempat kerja pada masa hadapan (Zainun et al., 2020). Perkara ini juga dijelaskan oleh Cannella dan Schaefer (2015) bahawa pembelajaran kemahiran vokasional yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah membantu murid untuk lebih bersedia memasuki alam pekerjaan. Sehubungan dengan itu, KPM melalui PPPM telah merancang untuk memperlengkapkan murid dengan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri. Perancangan ini juga boleh dicapai melalui peningkatan kebolehpasaran murid lulusan vokasional bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang lebih baik (KPM, 2013). Penekanan terhadap perancangan tersebut diberikan tumpuan yang lebih kepada kumpulan berkeperluan khusus yang merangkumi murid peribumi dan kumpulan minoriti lain termasuk orang asli.

### 2.2 Konteks Murid-Murid Orang Asli Semai dan Kebolehpasaran Mereka

PPPM memberi penekanan terhadap kesamarataan dan keserataan pendidikan bagi kumpulan berkeperluan khusus yang merangkumi murid peribumi dan kumpulan minoriti lain termasuk orang asli (KPM, 2013). Perkara ini bertepatan dengan agenda dalam merapatkan jurang pendidikan bagi semua golongan murid supaya mendapat akses, ekuiti, dan kualiti yang tinggi (Marzuki et al., 2014). Ekuiti pendidikan murid orang asli mengambil kira aspek nilai, sosiobudaya yang dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan peluang pekerjaan mereka (Abdul Rahman, 2014). Pengenalan kepada kurikulum kemahiran vokasional berpotensi untuk mengatasi masalah kebolehpasaran dalam kalangan murid orang asli. Kurikulum tersebut perlu diintegrasikan dengan nilai dan amalan masyarakat orang asli (Abdul Rahman et al., 2020). Justeru, penyediaan kurikulum kemahiran vokasional yang bersesuaian dapat mengupayakan potensi mereka seterusnya memperkasakan komuniti orang asli (Wahab et al., 2020).

Kurikulum Standard Sekolah Malaysia Pendidikan Khas (KSSMPK) yang diperkenalkan pada tahun 2017 menekankan kurikulum kemahiran vokasional bagi semua murid berkeperluan khas sebagai transisi mereka ke alam kerjaya (Zainun et al., 2020). Kurikulum kemahiran vokasional bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran murid khususnya bagi murid peribumi dan kumpulan minoriti lain termasuk orang asli. Berdasarkan pengamatan pengamal-penyelidik, murid-murid orang asli Semai kurang kebolehan teras yang menyebabkan mereka sukar untuk mendapat pekerjaan setelah tamat persekolahan. Antara kebolehan teras termasuklah kemahiran interpersonal yang merupakan nilai tambah dan kebolehpasaran seseorang untuk mendapatkan pekerjaan serta kualiti hidup yang baik (Levin, 2015). Kebolehan teras seperti yang terkandung dalam Standard Kompetensi Kebangsaan terdiri daripada: (i) aplikasi komunikasi, (ii) tingkah laku peribadi, (iii) budaya tingkah laku di tempat kerja, dan (iv) penyesuaian tingkah laku terhadap persekitaran, keselamatan dan kesihatan (JPK, 2015).

Kajian ini melibatkan tiga orang murid orang asli Semai iaitu Akel, Ara dan Titak (bukan nama sebenar). Mereka merupakan murid pendidikan khas kategori ketidakupayaan intelektual. Akel dan Ara (perempuan) berumur 15 tahun manakala Titak (lelaki) berumur 17 tahun. Ketiga-tiga mereka berasal dan tinggal di Kampung Orang Asli Chinggung, Perak yang terletak sekurang-kurangnya 15-kilometer dari lokasi sekolah. Geografi kampung tersebut yang berbukit bukau berdekatan dengan Banjaran Titiwangsa menyebabkan komuniti orang asli mempunyai hubungan pengangkutan yang terhad. Perkara ini menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kehadiran dan ketidakhadiran Akel, Ara dan Titak ke sekolah. Tambahan pula, melalui pengamatan pengamal-penyelidik, pendidikan bukan merupakan aspek yang penting bagi komuniti tersebut. Hal ini dijelaskan oleh Wahab et al. (2020) bahawa kebanyakan komuniti orang asli kurang berminat dengan kurikulum yang diajar di sekolah kerana mereka berpandangan bahawa pembelajaran yang diperoleh anak-anak orang asli melalui persekolahan kurang memberikan jaminan pekerjaan setelah tamat persekolahan kelak.

Salah seorang murid orang asli Semai, Titak pernah menceritakan tentang apa-apa yang diperkatakan oleh komuniti kampung orang asli berkaitan kehadirannya ke sekolah. Titak menjelaskan bahawa sebilangan kecil komuniti orang asli Semai berpandangan bahawa kehadirannya ke sekolah kurang memberikan manfaat untuk masa depan. Perkara ini tidak memeranjatkan pengamal-penyelidik kerana pendapatan asas sebilangan besar komuniti kampung orang asli Semai bergantung kepada sumber hutan dan dusun buah-buahan semata-mata seperti petai dan durian. Justeru, pendidikan bukan merupakan penekanan yang penting dalam komuniti tersebut. Kata-kata orang kampung kepada Titak membuatkan dia berasa sedih dan kurang bersemangat untuk meneruskan pembelajaran di sekolah. Talib dan Muslim (2007) menerangkan bahawa taraf sosioekonomi yang rendah bagi sesuatu komuniti kampung orang asli boleh menyebabkan anak-anak mereka berasa rendah diri dan mengalami kemerosotan estimasi sendiri. Oleh hal yang demikian, cerita Titak tersebut memberikan cabaran yang hebat kepada pengamal-penyelidik sebagai guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dalam usaha meningkatkan semangat dan motivasi murid-murid orang asli Semai bukan sahaja untuk meneruskan persekolahan tetapi juga demi masa depan mereka.

### **2.3 Pengajaran Kemahiran Vokasional Semasa PKP Pandemik COVID-19**

Semasa PKP pandemik COVID-19, pengamal-penyelidik kurang berjaya menjalankan pengajaran secara dalam talian sebagaimana kebanyakan guru kemahiran vokasional yang lain (Ab Rahman et al., 2020; Azman et al., 2020; Syauqi et al., 2020). Pengajaran kemahiran vokasional kebiasaannya perlu dijalankan secara bersemuka kerana melibatkan latihan praktikal (Nasir et al., 2014). Pada peringkat permulaan PKP, pengamal-penyelidik membuat percubaan untuk melaksanakan pengajaran secara dalam talian menggunakan medium aplikasi mudah WhatsApp sebagai alat komunikasi dengan murid-murid (Balasundran & Awang, 2020; Hairia'an & Dzainudin, 2020). Ara dan Titak mempunyai telefon bimbit peribadi manakala Akel menggunakan telefon bimbit kepunyaan ibunya. Melalui WhatsApp, pengamal-penyelidik telah mengedarkan pautan Google Forms kepada murid-murid untuk membuat latihan dan kuiz yang diberikan. Selain itu, pengamal-penyelidik telah memuat naik video ke laman YouTube bagi memberikan tutorial kepada murid-murid tentang cara-cara menghasilkan donat.

Melalui kaedah pengajaran secara dalam talian, pengamal-penyelidik mengharapkan agar murid-murid membuat tugas yang diberikan. Namun, jangkakan pengamal-penyelidik meleset apabila murid-murid tidak memberikan respons berkaitan dengan tugas yang diedarkan melalui WhatsApp kecuali Ara yang menyatakan bahawa dia tidak tahu bagaimana untuk membuka pautan latihan dan kuiz melalui aplikasi Google Forms. Meskipun murid-murid telah diberikan tutorial bagaimana untuk menggunakan aplikasi Google Forms, pengamal-penyelidik mendapati bahawa murid-murid tidak dapat mengakses latihan dan kuiz kerana capaian Internet di kawasan kampung mereka adalah sangat lemah. Hal yang sama juga terjadi seperti video tutorial di laman YouTube, pengamal-penyelidik menjangkakan murid-murid tidak dapat mengakses video tersebut apatah lagi mempraktikkan kemahiran vokasional di rumah masing-masing. Masalah capaian Internet yang lemah bukan sahaja berlaku dalam konteks murid-murid Semai, tetapi juga melibatkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia (Mohamad Nasri et al., 2020).

Meskipun terdapat cabaran dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian (Efriana, 2021), pengamal-penyelidik masih berusaha untuk melaksanakan pengajaran kemahiran vokasional menggunakan medium tersebut kepada murid-murid orang asli Semai. Usaha tersebut pengamal-penyelidik laksanakan dengan melawat murid-murid di kediaman mereka bagi mengesahkan dan mencuba untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka berkaitan dengan capaian Internet. Sungguhpun pengamal-penyelidik telah membekalkan capaian Internet kepada murid-murid menggunakan syarikat pembekal Internet yang berbeza, namun capaian Internet di kawasan kampung mereka didapati masih lagi lemah (Mohd Shafie, 2020). Pengamal-penyelidik membuat kesimpulan bahawa pengajaran secara dalam talian tidak dapat dijalankan kepada murid-murid orang asli Semai. Sebagai seorang guru, situasi seperti ini membuatkan pengamal-penyelidik kecewa kerana pada mulanya kurang berjaya memberikan pengajaran kepada murid-murid orang asli Semai bagi pengajaran kemahiran vokasional semasa PKP pandemik COVID-19.

Isu dan permasalahan ini juga membuat pengamal-penyelidik sedar bahawa pengajaran kemahiran vokasional perlu dilaksanakan secara praktikal dan bersemuka dalam membimbing murid menjalankan tugas kemahiran vokasional seperti membuat roti, apatah lagi apabila melibatkan murid pendidikan khas yang kurang literasi teknologi. Pengajaran kemahiran vokasional bukan sahaja melibatkan kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan aktiviti fizikal tetapi juga merangkumi kemahiran aplikasi komunikasi, tingkah laku komunikasi, budaya tingkah laku ditempat kerja

dan penyesuaian tingkah laku terhadap persekitaran, keselamatan dan kesihatan. Cabaran-cabaran tersebut membuatkan pengamal-penyelidik berfikir, apakah strategi terbaik yang boleh dilaksana bagi membolehkan pengajaran kemahiran vokasional diteruskan semasa PKP pandemik COVID-19?

## 2.4 Fokus Kajian

Kajian tindakan ini bermula dengan isu, cabaran dan keprihatinan pengamal-penyelidik sebagai guru pendidikan khas yang telah diperincikan pada bahagian isu dan permasalahan artikel ini. Pertama, sebagai guru yang tidak mempunyai latar belakang yang khusus dalam bidang pendidikan khas, apatah lagi kemahiran vokasional, pengamal-penyelidik menyedari bahawa kepentingan untuk meningkatkan amalan profesional sendiri dalam kedua-dua bidang tersebut terutamanya dari aspek pengetahuan kandungan dan pedagogi yang merupakan sebahagian daripada usaha pengamal-penyelidik untuk membolehkan latihan vokasional dilaksanakan secara praktikal kepada murid-murid pendidikan khas sebagai persiapan mereka ke alam pekerjaan.

Kedua, dalam konteks amalan profesional pengamal-penyelidik, murid-murid orang asli Semai juga merupakan sebahagian daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pengamal-penyelidik lebih prihatin dengan murid-murid orang asli Semai memandangkan mereka kurang keyakinan diri yang boleh mempengaruhi peluang untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat persekolahan kelak. Selain itu, komuniti orang asli yang kurang menekankan aspek pendidikan, memberikan cabaran kepada pengamal-penyelidik dalam usaha mendidik anak-anak mereka. Apabila menyedari akan peri penting ekuiti pendidikan murid orang asli, pengamal-penyelidik berpandangan bahawa penerapan kemahiran vokasional yang selari dengan aspek nilai dan sosiobudaya mereka berpotensi besar dalam meningkatkan kebolehpasaran murid orang asli Semai.

Ketiga, semasa PKP pandemik COVID-19, terdapat pelbagai cabaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan jarak jauh. Selain daripada masalah jaringan Internet yang lemah di kawasan kampung orang asli Semai, pengamal-penyelidik juga menyedari bahawa pelaksanaan pengajaran kemahiran vokasional adalah kurang bersesuaian untuk dijalankan secara dalam talian dan jarak jauh. Tambahan pula, murid-murid orang asli Semai tidak mempunyai kelengkapan dan perkakasan untuk menjalankan tugas seperti membuat roti di rumah mereka sendiri. Secara asasnya, kemahiran vokasional perlu dilaksanakan secara praktikal dengan bimbingan sepenuhnya daripada guru, hatta apabila ia melibatkan murid-murid pendidikan khas.


Pengamal-penyelidik telah melibatkan diri dalam kajian tindakan ini untuk mereflek seterusnya menambah baik amalan profesional pengajaran sendiri. Penglibatan pengamal-penyelidik dalam kumpulan rakan kritis telah menjadi sebahagian daripada sistem sokongan dalam menjayakan kajian tindakan ini. Pada peringkat permulaan, pengamal-penyelidik telah berkongsi isu, cabaran dan keprihatinan dalam aspek profesionalisme dan pengajaran sendiri dengan kumpulan rakan kritis. Hasil sumbang saran dengan kumpulan tersebut, pengamal-penyelidik telah mendapat idea untuk menjalankan intervensi bagi mengatasi isu dan cabaran yang dihadapi. Pengamal-penyelidik juga membuat pembacaan kajian-kajian yang lepas bagi membangunkan intervensi dalam kajian ini. Intervensi kajian tindakan ini merupakan projek jualan bakeri yang dijalankan bersama murid-murid orang asli Semai semasa PKP pandemik COVID-19. Justeru, artikel ini membincangkan secara kualitatif dan naratif berkaitan dengan soalan kajian iaitu: bagaimanakah menambah baik amalan pengamal-penyelidik sebagai guru pendidikan khas Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) dalam meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli Semai melalui projek jualan bakeri?

## 3. Metodologi

Antara perkara yang dibincangkan di sini ialah reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan menganalisis data, kumpulan rakan kritis serta intervensi kajian.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan, kitaran tindakan-refleksi (McNiff, 2017) yang melibatkan proses memerhati, mereflek, bertindak, menilai, mengubah suai dan seterusnya merancang tindakan baharu (seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1). Penggunaan kitaran tindakan-refleksi dalam kajian ini membantu pengamal bertindak sebagai penyelidik dalam usaha untuk menambah baik amalan, pengetahuan, idea dan teori yang baharu (McNiff, 2017). Berdasarkan model ini, pada permulaan kajian, pengamal-penyelidik telah membuat pemerhatian terhadap amalan pengajaran dan profesional sendiri yang lalu khususnya semasa PKP pandemik COVID-19 seterusnya mereflek bagaimana untuk menambah baik amalan sebagai guru Pendidikan Khas Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) dengan merancang projek jualan bakeri. Kemudian, pengamal-penyelidik bertindak dengan menjalankan projek jualan bakeri dengan murid-murid orang asli Semai dan membuat penilaian terhadap tindakan tersebut. Hasil penilaian yang dijalankan, pengamal-penyelidik mengubah suai kaedah menjalankan projek jualan bakeri dengan merancang tindakan baharu. Dalam kajian ini, sebanyak dua kitaran tindakan-refleksi telah diimplementasikan yang merujuk kepada dua kali pelaksanaan projek jualan bakeri.



**Rajah 1 - Kitaran tindakan-refleksi (McNiff, 2017)**

### 3.2 Kaedah Pengumpulan dan Penganalisan Data

Kajian tindakan merupakan satu proses yang bermula dengan fasa tinjauan dan penilaian terhadap amalan profesionalisme yang lalu bagi seseorang pengamal-penyelidik (McNiff, 2017). Kemmis et al. (2014) menjelaskan bahawa fasa tinjauan dan penilaian pada peringkat permulaan sesuatu kajian tindakan merupakan satu kemestian kepada pengamal-penyelidik untuk meneroka keprihatinan, ketidakpuasan, masalah atau isu dalam situasi tertentu. Justeru, isu dan permasalahan kajian ini dimulakan dengan fasa tinjauan dan penilaian untuk mereflek amalan profesionalisme pengamal-penyelidik dan mengenal pasti isu serta cabaran dalam konteks pengajaran sendiri. Perbincangan dan analisis fasa tinjauan dan penilaian awal dibahagikan kepada tiga aspek amalan profesionalisme pengamal-penyelidik iaitu: (i) pendidikan khas dan kemahiran vokasional, (ii) konteks murid-murid orang asli Semai dan kebolehpasaran mereka, dan (iii) pengajaran kemahiran vokasional semasa PKP pandemik COVID-19.

Secara umumnya, pengumpulan data merupakan proses yang penting dalam mengumpul, menghimpun dan mentakrif maklumat yang diperolehi dari lapangan bagi membolehkan seseorang penyelidik menjawab soalan dan isu kajian. Dalam kajian tindakan, data dikumpul secara sistematik bagi membantu seseorang pengamal-penyelidik untuk membuat pentaksiran melalui pengalaman yang dialami sendiri (Feldman et al., 2018). Data yang telah dikumpulkan dalam kajian ini ialah rancangan pengajaran penyediaan donat, pemasaran dan jualan, buku ajar murid-murid, rakaman video dan foto. Data-data tersebut merupakan data tersedia semasa pengamal-penyelidik menjalankan projek jualan bakeri. Rancangan pengajaran penyediaan donat, pemasaran dan jualan pula merupakan data untuk menunjukkan bagaimana pengamal-penyelidik merancang intervensi melalui projek jualan bakeri. Rakaman video dan foto pula adalah sebahagian daripada data pemerhatian yang merupakan sumber bukti penting dalam menyokong penulisan kajian tindakan (McNiff & Whitehead, 2012). Semasa intervensi dijalankan, pengamal-penyelidik merekodkan pelaksanaan projek jualan bakeri melalui rakaman video, foto dan mengumpul buku-buku rekod perniagaan murid bagi membolehkan tujuan membuat refleksi dan penilaian terhadap projek yang dilaksanakan.

Data-data yang dikumpul daripada kajian ini, khususnya semasa merancang, melaksanakan dan menilai projek jualan bakeri dianalisis secara naratif. Naratif dipilih kerana pendekatan analisis seperti ini membolehkan pengamal-penyelidik menceritakan kehidupan dan pengalaman mereka sendiri (Esim et al., 2014). Gaya penulisan naratif digunakan kerana berperanan penting dalam menggambarkan proses kajian tindakan ini dengan terperinci. McNiff (2007) dan Whitehead (1989) menjelaskan bahawa penulisan naratif dan kajian tindakan adalah saling berkait rapat bagi membolehkan pengamal-penyelidik menceritakan tentang pengalaman mereka melaksanakan tindakan dalam menambah baik amalan sendiri. Justeru, penggunaan terma pengamal-penyelidik dalam artikel ini disesuaikan dengan pendekatan naratif seperti yang dicadangkan oleh Coghlan dan Brydon-Miller (2014); Reason dan Torbert (2001); Stenhouse (1975).

Selain itu, analisis naratif membolehkan pengamal-penyelidik memahami hubungan sosial yang kompleks dan rumit melalui kepelbagaian dalam penceritaan mereka. Dalam kajian ini, pengamal-penyelidik membuat proses analisis naratif yang dimulakan dengan menstruktur penceritaan secara deskriptif berdasarkan soalan dan isu kajian. Hasil analisis naratif kajian ini dipersembahkan secara kronologi sebagaimana yang dicadangkan oleh Mills et al. (2012)

bahawa penceritaan naratif menceritakan keseluruhan struktur bagaimana kajian telah dirancang, dilaksana dan dinilai. Salah satu tujuan penting analisis naratif dalam kajian ini adalah untuk memberikan penjelasan secara kronologi bagaimana menambah baik amalan pengamal-penyelidik sebagai guru Pendidikan Khas Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) dalam meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli Semai melalui projek jualan bakeri. Oleh itu, artikel ini membincangkan secara kualitatif dan naratif pengalaman pengamal-penyelidik sebagai guru Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) dan dalam menjalankan kajian tindakan.

### 3.3 Kumpulan Rakan Kritis


Rakan kritis merupakan kumpulan yang penting dalam kajian tindakan untuk mengenal pasti fokus kajian, merancang tindakan, mengumpul dan menganalisis data, serta mereflek perbincangan (Coghlan & Brydon-Miller, 2014). Justeru, kajian ini dijalankan melalui sokongan dan bantuan rakan-rakan kritis dalam membina kredibiliti kajian. Bertepatan dengan McNiff (2017) yang menjelaskan bahawa kajian tindakan memerlukan sekurang-kurangnya seorang atau dua orang individu yang bertindak sebagai rakan kritis. Semasa menjalankan kajian ini, pengamal-penyelidik telah dibimbing oleh sekumpulan pendidik guru dalam mengenal pasti isu melalui pemerhatian tinjauan awal, merancang intervensi dan menilai pelaksanaan intervensi yang dilakukan dalam kitaran pertama dan kedua. Pengamal-penyelidik juga telah melibatkan diri dengan kumpulan rakan kritis iaitu rakan-rakan guru yang bersama-sama menjalankan kajian tindakan. Pengamal-penyelidik merupakan penulis pertama kajian ini telah menjalankan projek jualan bakeri bersama-sama murid orang asli Semai semasa PKP. Sementara penulis kedua, ketiga dan keempat artikel ini merupakan rakan kritis semasa pengamal-penyelidik menjalankan kajian. Rakan kritis pengamal-penyelidik yang lain terdiri daripada rakan-rakan guru mata pelajaran Pendidikan Khas dan Perniagaan turut bertindak memberikan pandangan secara kritis sejak awal kajian ini dijalankan yang dibincangkan peranannya dengan lanjut di bahagian dapatan. Herr dan Anderson (2014) menjelaskan bahawa rakan kritis juga merupakan kesahan dialog kajian tindakan yang memberikan interpretasi alternatif kepada data dan proses kajian.

### 3.4 Intervensi Kajian Melalui Projek Jualan Bakeri

Sebagaimana yang dijelaskan pada bahagian awal artikel ini, antara cabaran utama pengamal-penyelidik sebagai guru pendidikan khas bagi kemahiran vokasional termasuklah mempersiapkan murid-murid orang asli Semai dengan kebolehan teras seperti yang terkandung dalam Standard Kompetensi Kebangsaan (JPK, 2015). Kebolehan teras yang terdiri daripada; (i) aplikasi komunikasi, (ii) tingkah laku peribadi, (iii) budaya tingkah laku di tempat kerja, dan (iv) penyesuaian tingkah laku terhadap persekitaran, keselamatan dan kesihatan merupakan kemahiran asas pekerjaan yang penting bagi meningkatkan kebolehpasaran murid-murid (Anthony et al., 2015).

Justeru, kebolehan teras tersebut merupakan objektif utama pelaksanaan projek jualan bakeri dalam kajian ini. Objektif tersebut adalah untuk membolehkan murid-murid orang asli Semai mempunyai kemahiran asas pekerjaan yang diperlukan untuk kemandirian hidup yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana kadar kemiskinan orang asli Semai masih berada pada tahap yang serius (Dentan, 2001; Mohd Harun et al., 2006), penekanan terhadap kemahiran asas pekerjaan amat penting untuk murid-murid orang asli Semai bagi membolehkan mereka “duduk sama rendah, berdiri sama tinggi” dengan masyarakat di luar komuniti mereka.

Intervensi projek jualan bakeri dibangunkan bagi membolehkan pengamal-penyelidik menerapkan kemahiran asas pekerjaan yang diperlukan murid-murid orang asli Semai. Intervensi projek jualan bakeri merupakan penggabungan dua sukatan mata pelajaran kemahiran vokasional. Sukatan “penyediaan donut” dan “pemasaran dan jualan” yang digunakan berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (JPK, 2011). Kedua-dua sukatan ini digabungkan untuk mencapai objektif kebolehpasaran melalui kebolehan teras yang digariskan dalam Standard Kompetensi Kebangsaan (JPK, 2015) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.




**Rajah 2 - Kerangka intervensi melalui penggabungjalinan dua sukatan bagi membolehkan kebolehan teras dicapai oleh murid-murid**

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini dibincangkan secara naratif bagi menjawab soalan kajian iaitu: bagaimanakah menambah baik amalan pengamal-penyelidik sebagai guru Pendidikan Khas Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) dalam meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli Semai melalui projek jualan bakeri? Melalui kerangka intervensi yang menggabungjalinan dua sukatan mata pelajaran kemahiran vokasional iaitu penyediaan donat dan pemasaran serta jualan produk, pengamal-penyelidik telah merancang projek jualan bakeri melalui pelaksanaan dua belas langkah utama yang ditunjukkan pada Rajah 3. Kajian ini dijalankan sebanyak dua kitaran yang merujuk kepada dua kali pelaksanaan projek jualan bakeri. Projek jualan bakeri dilaksanakan sebanyak dua kali bagi membolehkan pengamal-penyelidik menunjukkan aspek-aspek yang dilakukan dalam usaha menambah baik amalan sebagai guru Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti). Perkara ini bertepatan dengan tujuan kajian tindakan untuk menambah baik amalan seseorang pengamal-penyelidik (Carver & Klein, 2013). Lantaran itu, dapatan dan perbincangan artikel ini menekankan perbandingan antara projek jualan bakeri yang dijalankan pada kitaran pertama dengan kedua.





**Rajah 3 - Langkah-langkah pelaksanaan projek jualan bakeri**

Rajah 3 menunjukkan langkah-langkah pelaksanaan projek jualan bakeri. Langkah 1, 2, 4, 10, 11 dan 12 merupakan sukatan pemasaran dan jualan produk manakala langkah 3, 5, 6, 7, 8 dan 9 merupakan sukatan penyediaan donat. Penggabungjalinan dua sukatan mata pelajaran kemahiran vokasional ini bertujuan untuk mencapai kebolehpasaran teras yang merupakan objektif pelaksanaan intervensi kajian. Melalui penggabungjalinan ini iaitu menerusi projek jualan bakeri yang dilaksanakan dalam masa sehari pengamal-penyelidik dapat merangkumkan pembelajaran murid-murid yang tertunda disebabkan PKP pandemik COVID-19. Justeru, projek jualan bakeri merupakan inisiatif alternatif untuk dijalankan semasa tempoh tersebut. Perancangan pengajaran yang dibuat adalah selari dengan penjajaran kurikulum yang disarankan oleh KPM untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku semasa PKP pandemik COVID-19. Penjajaran kurikulum merupakan penyusunan semula kandungan pedagogi serta pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran dalam apa-apa jua keadaan (KPM, 2020).

***Langkah 1: Mengenal pasti keperluan pemasaran dan jualan produk bakeri***

Pengamal-penyelidik telah memberi penekanan kepada murid-murid tentang kepentingan untuk mengenal pasti keperluan pemasaran dan jualan produk bakeri. Projek ini dijalankan semasa musim buah durian di Malaysia dan buah durian merupakan antara sumber pendapatan orang asli Semai kerana bentuk geografi kawasan yang didiami komuniti mereka kaya dengan hasil hutan serta dusun buah-buahan (Howell et al., 2010). Penjualan buah durian juga merupakan sumber pendapatan utama ibu bapa murid-murid orang asli Semai pengamal-penyelidik. Lantaran keperluan pemasaran dan jualan sesuatu produk mesti mengambil kira demografi tempat (Adnan et al., 2020), pengamal-penyelidik telah mencadangkan kepada murid-murid untuk menghasilkan serta melaksanakan penjualan donat berintikan durian pada kitaran pertama dan kedua. Salah seorang anak murid iaitu Titak telah membekalkan buah durian yang diperoleh daripada dusun datuknya dan kos buah durian tersebut dibayar kepadanya berdasarkan harga pasaran semasa.

Pengamal-penyelidik juga menyatakan kepada murid-murid bahawa donat berintikan durian merupakan keperluan pasaran yang mempunyai banyak penerimaan semasa projek ini dijalankan. Pada masa yang sama, pengamal-penyelidik ingin menunjukkan kepada murid-murid bahawa buah durian boleh dipelbagaikan jualannya bagi mendapat keuntungan yang lebih tinggi berbanding jualan menerusi sumber semula jadi semata-mata.

### ***Langkah 2: Menyusun aktiviti pemasaran dan jualan produk bakeri***

Pada kitaran pertama, projek tidak dirancang dengan sistematik menyebabkan pengamal-penyelidik kurang bersedia untuk menjalankan aktiviti yang dirancang bersama murid-murid. Justeru, pada kitaran kedua pengamal-penyelidik telah menambah baik pelaksanaan projek dengan menyusun aktiviti-aktiviti penyediaan donat dan pemasaran serta jualan produk bakeri. Atas faktor projek yang dijalankan perlu disiapkan dalam masa sehari kerana kekangan masa disebabkan PKP pandemik COVID-19, penyusunan jadual perancangan yang rapi diperlukan. Jadual perancangan meliputi aktiviti mengambil murid-murid dari kediaman mereka ke kediaman pengamal-penyelidik, membeli bahan penyediaan donat, membuat rakaman fotografi untuk tujuan promosi, membuat poster digital, mempromosikan produk bakeri di rangkaian media sosial, mengira kos bahan, membuat inti donat, menyediakan donat, menyediakan pembungkusan, melaksanakan jualan dan mengira untung rugi jualan yang dilaksanakan. Perancangan projek yang tersusun telah dapat membantu pengamal-penyelidik lebih bersedia dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang bersama murid-murid. Pengamal-penyelidik menyedari tentang peri pentingnya perancangan yang tersusun dalam sesuatu pengajaran yang merangkumi aspek pengelolaan, pelaksanaan dan penilaian (Hashim & Ahmad, 2007). Tambahan lagi, melalui perancangan yang tersusun, pengamal-penyelidik bukan sahaja berharap agar dapat mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan dapat memperkenalkan murid-murid dengan masa bekerja yang bermula dari jam sembilan pagi hingga lima petang.

### ***Langkah 3: Mengenal pasti keperluan penyediaan donat***

Berbeza dengan kitaran pertama, pengamal-penyelidik telah membawa murid-murid ke kedai bakeri pada kitaran yang kedua untuk membeli bahan penyediaan donat seperti tepung, gula, yis dan bekas pembungkusan. Semasa proses berurusan dengan penjual, pengamal-penyelidik mendapati bahawa murid-murid segan untuk bertanya tentang bagaimana untuk mendapatkan bahan seperti gula, tepung dan yis. Perasaan segan ini disebabkan oleh perasaan kurang keyakinan diri dalam kalangan murid orang asli Semai apabila berhadapan dengan masyarakat di luar komuniti mereka. Salleh dan Ahmad (2009) menjelaskan bahawa jurang pergaulan masyarakat orang asli dengan masyarakat luar disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada perkembangan pendidikan dalam kalangan masyarakat orang asli itu sendiri. Justeru, pengamal-penyelidik telah membimbing murid-murid dengan kaedah untuk berkomunikasi dengan penjual. Mereka bertanyakan kepada penjual bagaimana untuk mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan. Dalam konteks pengaplikasian kemahiran berkomunikasi ini, pengamal-penyelidik berpendapat bahawa guru berperanan penting untuk meningkatkan keyakinan murid-murid bagi membiasakan mereka berinteraksi dengan masyarakat di luar komuniti orang asli.

### ***Langkah 4: Melaksanakan pemasaran produk bakeri***

Berdasarkan refleksi pada kitaran pertama, pengamal-penyelidik kurang menekankan aspek pemasaran kepada murid-murid dalam melaksanakan projek. Pada kitaran tersebut, murid-murid tidak terlibat dalam aspek pemasaran dan pengamal-penyelidik menyedari bahawa tindakan ini kurang membantu murid yang sepatutnya mengetahui bagaimana pemasaran sesuatu perniagaan perlu dilaksanakan. Justeru, pada kitaran kedua pengamal-penyelidik telah melibatkan murid-murid dalam melaksanakan pemasaran produk bakeri. Murid-murid dibimbing untuk menghasilkan poster digital sebagai iklan donat yang mereka akan pasarkan menerusi rangkaian media sosial iaitu Facebook dan WhatsApp (Nordin & Lada, 2019). Poster digital (seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4) dihasilkan oleh murid menekankan kepada penggunaan grafik yang bersesuaian untuk menarik perhatian pelanggan dan mempunyai maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pelanggan membuat tempahan. Poster digital yang dihasilkan oleh murid-murid dimuat naik ke laman Facebook and aplikasi WhatsApp. Justeru, langkah ini merupakan langkah penting bagi mendedahkan murid-murid kepada kaedah pemasaran yang strategik dan boleh digunakan untuk memasarkan hasil produk bakeri mereka.



**Rajah 4 - Poster digital yang digunakan untuk mempromosikan donat menerusi rangkaian media sosial**

#### ***Langkah 5: Menyediakan alatan dan bahan donat***

Berdasarkan hasil daripada penjualan donat dalam kitaran pertama, murid-murid telah menerima maklum balas daripada pelanggan iaitu donat yang dijual terlebih manis daripada biasa dan kurang inti. Pengamal-penyelidik menjelaskan kepada murid-murid bahawa maklum balas yang diterima daripada pelanggan adalah sangat penting untuk dipertimbangkan bagi meningkatkan kualiti penyediaan donat pada penjualan akan datang. Sebelum melaksanakan kitaran kedua, pengamal-penyelidik juga telah menghadiri kelas pembuatan donat secara dalam talian bagi menambah baik pengetahuan dan kemahiran dalam pembuatan donat. Susulan itu, pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik telah menggalakkan murid menggunakan resipi pembuatan donat hasil daripada pembelajaran melalui kelas pembuatan donat tersebut. Murid-murid telah dibimbing untuk menyediakan alatan dan bahan penyediaan donat yang meliputi proses menimbang, menyukat dan mengkategorikan bahan. Proses ini merupakan persediaan awal dalam penyediaan alatan dan bahan yang lebih dikenali sebagai “*Mise en Place*” (terma bahasa Perancis). *Mise en Place* bertujuan untuk memastikan tugas penyediaan alatan dan bahan-bahan dilaksanakan dengan tertib, profesional dan tersusun bagi memudahkan proses memasak dan memastikan kualiti semasa proses memasak terjamin (Fisher & Louw, 2020).

#### ***Langkah 6: Melaksanakan penyediaan donat***

Murid-murid telah dibimbing untuk melaksanakan penyediaan donat. Pelaksanaan penyediaan donat melibatkan proses mengadun, menguli, mengembang, membentuk doh dan menggoreng. Proses ini memerlukan masa yang panjang dan perlu dibuat secara berperingkat. Semasa menjalankan projek pada kitaran pertama dan kedua, pengamal-penyelidik mendapati bahawa budaya kerja berpasukan amat diperlukan dalam usaha menyempurnakan proses tersebut. Pada kitaran kedua terutamanya, pengamal-penyelidik telah menekankan budaya kerja berpasukan kepada murid-murid kerana ia merupakan sebahagian elemen budaya tingkah laku dalam pekerjaan dan tulang belakang kepada sebuah organisasi di tempat kerja (Shukor et al., 2020). Murid-murid sentiasa diingatkan untuk menyiapkan tugas yang diberikan secara berkumpulan semasa menjalankan setiap proses penyediaan donat. Pengamal-penyelidik juga mengingatkan murid-murid untuk sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain dan melaksanakan tugas di tempat kerja dengan tekun.

#### ***Langkah 7: Melaksanakan kemas dan hiasan donat***

Semasa kitaran pertama, pengamal-penyelidik telah membimbing murid-murid tentang cara-cara untuk memasukkan inti durian ke dalam donat dan membuat kemas luar. Proses melaksanakan kemas dan hiasan donat ini bukan hanya tertumpu kepada aktiviti mengisi inti donat semata-mata, bahkan pengamal-penyelidik juga memantau kualiti kemas dan hiasan donat yang dijalankan oleh murid-murid. Rajah 5 menunjukkan sedutan rakaman video semasa proses memasukkan inti donat ke dalam beg paiping. Pada 00:00:00, pengamal-penyelidik mendapati Akel menggunakan telefon bimbit sedangkan Ara fokus menjalankan tugas. Pengamal-penyelidik menjangkakan kelakuan Akel tersebut merupakan kelakuan sementara. Oleh itu pengamal-penyelidik tidak menegur perbuatannya pada ketika itu. Pada 00:00:07, pengamal-penyelidik memberi penerangan kepada murid-murid berkaitan aspek kebersihan melalui

pemakaian sarung tangan sebelum memulakan tugas. Semasa kitaran kedua, murid-murid didapati semakin mahir memasukkan inti donat ke dalam beg paiping sebagaimana yang ditunjukkan pada 00:08:10. Pengamal-penyelidik mendapati bahawa pengalaman sedia ada murid-murid semasa projek yang pertama memberi sedikit kelebihan semasa melaksanakan projek pada kitaran kedua. Pada 00:08:22, Akel sekali lagi menggunakan telefon bimbit semasa ketiadaan pengamal-penyelidik. Tingkah laku Akel yang kurang fokus menjalankan tugas ini membuatkan pengamal-penyelidik perlu menegurnya sebagaimana yang ditunjukkan pada 00:09:24. Hasil teguran tersebut, Akel memohon maaf dan menyambung semula tugas yang diberikan pada 00:09:38. Analisis sedutan rakaman adalah sebahagian daripada usaha pengamal-penyelidik menerapkan kebolehan teras melalui penekanan berkaitan dengan tingkah laku peribadi bagi menyesuaikan murid-murid dengan situasi pekerjaan yang sebenar.



**Rajah 5 - Sedutan rakaman video semasa proses melaksanakan kemas dan hiasan donat serta pemerhatian terhadap kelakuan Akel**

**Langkah 8: Menilai kualiti dan kuantiti**

Murid-murid dibimbing untuk menilai kualiti donat dari aspek bentuk, tekstur, aroma, warna, perisa dan donat yang mereka akan pasarkan dan ia perlu kelihatan menarik dan menyelerakan. Pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik lebih menekankan kebolehan teras bagi aspek penyesuaian tingkah laku terhadap persekitaran, keselamatan dan kesihatan kepada murid-murid. Hasil refleksi daripada kitaran pertama, pengamal-penyelidik menyedari bahawa aspek kebolehan teras tersebut perlu ditekankan kepada murid-murid pada setiap proses pelaksanaan projek. Susulan itu, pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik lebih menggalakkan murid-murid untuk sentiasa membersihkan ruang dapur dan mencuci tangan sebelum, semasa dan selepas melaksanakan sesuatu aktiviti. Pengamal-penyelidik juga menekankan kepada murid-murid bahawa begitulah juga situasi di tempat mereka bekerja kelak, mereka perlu menjaga kebersihan persekitaran di tempat kerja sepanjang masa.

**Langkah 9: Merekod aktiviti penyediaan donat**

Semasa kitaran pertama, pengamal-penyelidik tidak menekankan aspek merekod aktiviti penyediaan donat. Proses merekod aktiviti penyediaan donat bertujuan untuk membantu pemantauan perkembangan operasi dan kecekapan murid melaksanakan tugas. Pengamal-penyelidik menyedari bahawa murid-murid perlu didedahkan dengan kaedah untuk merekod aktiviti penyediaan donat. Semasa menjalankan kitaran kedua, pengamal-penyelidik menjelaskan secara lisan kepada murid-murid tugas-tugas penyediaan donat yang perlu dilaksanakan mengikut enam aturan aktiviti kerja penyediaan donat tanpa rekod bertulis. Pengamal-penyelidik merancang untuk menambah baik proses merekod aktiviti untuk projek akan datang dengan menggunakan rekod bertulis. Proses tersebut merupakan panduan kepada murid-murid dalam melaksanakan projek jualan bakeri dengan menggunakan senarai semak, prosedur yang terperinci berkaitan deskripsi tugas-tugas, penekanan aspek kebersihan diri dan sikap, keselamatan, teknik memasak dan hasil produk. Aspek berkenaan juga boleh digunakan sebagai data untuk pengamal-penyelidik mereflek bagaimana untuk membimbing murid sehingga mampu melakukan tugas dengan cekap dan bersedia untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut di alam pekerjaan.

**Langkah 10: Melaksanakan jualan produk bakeri**

Pengamal-penyelidik membimbing murid-murid untuk melaksanakan jualan produk bakeri. Pada peringkat permulaan, murid-murid menyatakan bahawa mereka berasa segan untuk menghantar tempahan donat yang dihasilkan ke kediaman pelanggan. Situasi yang sama seperti pada langkah ketiga, perasaan segan dan kurang yakin diri dalam kalangan orang asli merupakan perkara yang biasa apabila mereka berhadapan dengan komuniti di luar kampung mereka (Mustapha, 2020). Pada kitaran pertama, pengamal-penyelidik kurang menunjukkan langkah-langkah bagaimana untuk berhadapan dan berurusan dengan pelanggan. Apabila menyedari akan perkara ini, pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik telah memberi galakan kepada murid-murid bahawa pelanggan merupakan sebahagian yang penting dalam urusan perniagaan. Pengamal-penyelidik telah membimbing murid berkaitan etika menjual produk termasuklah bagaimana untuk berkomunikasi dengan pelanggan seperti memberi salam, memperkenalkan diri, menyatakan nama produk dan jumlah harga serta kuantiti donat durian, memulangkan baki dan mengucapkan terima kasih kepada pelanggan. Selain itu, murid-murid juga diingatkan bahawa pada projek jualan bakeri yang pertama, mereka telah memperoleh keuntungan hasil daripada jualan yang dijalankan dan keuntungan tersebut adalah sebahagian daripada gaji mereka. Justeru, murid-murid perlu membuang perasaan segan dan senantiasa meningkatkan keyakinan diri bagi membolehkan jualan produk bakeri juga dilaksanakan di luar komuniti mereka.

**Langkah 11: Menilai potensi pasaran berdasarkan informasi**

Setelah aktiviti pelaksanaan jualan donat durian, pengamal-penyelidik telah membimbing murid-murid bagaimana menilai potensi pasaran berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh pelanggan mereka. Langkah ini tidak ditekankan semasa kitaran pertama. Justeru, pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik telah membimbing murid membuat penilaian potensi pasaran berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh pelanggan melalui aplikasi WhatsApp. Murid-murid bertanya kepada pelanggan berkaitan donat yang telah dijual dari aspek kualiti rasa inti dan tekstur donat durian. Pengamal-penyelidik mendapati murid-murid berupaya berkomunikasi dengan pelanggan secara dalam talian dengan baik. Selain itu, pengamal-penyelidik menekankan kepada murid-murid bahawa tujuan penilaian potensi pasaran adalah untuk menambah baik jualan pada masa akan datang seperti kualiti produk, potensi lokasi jualan dan mendapatkan pelanggan yang baharu. Justeru, berdasarkan kitaran pertama dan kedua, pengamal-penyelidik mendapati bahawa guru boleh mempelbagaikan kaedah dalam membimbing murid-murid tentang bagaimana untuk membuat penilaian terhadap jualan yang mereka laksanakan.

**Langkah 12: Menyediakan laporan pemasaran dan jualan**

Pengamal-penyelidik telah membimbing murid menyediakan laporan pemasaran dan jualan. Pada kitaran pertama, jualan donat yang dilaksanakan oleh murid-murid mendapat keuntungan yang memuaskan. Namun begitu, murid-murid tidak diberikan penekanan terhadap tujuan membuat laporan iaitu pengiraan untung rugi kerana pengamal-penyelidik kurang pengetahuan berkaitan asas perniagaan. Justeru, sebelum menjalankan kitaran kedua, pengamal-penyelidik telah bertanya kepada rakan kritis yang merupakan guru mata pelajaran perniagaan di sekolah berkaitan kaedah pengiraan modal, kos bahan dan untung rugi jualan. Penerapan kemahiran mengira kos bahan-bahan bagi menghasilkan sesuatu produk bakeri dalam kalangan murid-murid amat penting kerana kemahiran ini merupakan sebahagian daripada amalan perniagaan (Mohamed Yusof et al., 2020). Maka itu, guru tersebut telah mencadangkan agar pelaksanaan projek yang seterusnya menggunakan buku lejar. Justeru, pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik telah membimbing murid menulis laporan jualan dalam buku lejar seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Meskipun begitu, murid-murid didapati masih kurang memahami pengiraan kos bahan dan jualan kasar serta pengiraan untung rugi walaupun pengamal-penyelidik telah menunjukkan satu persatu langkah menggunakan buku lejar. Pengamal-penyelidik berpandangan bahawa perkara ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan untuk membuat laporan jualan. Tambahan pula, pengamal-penyelidik belum pernah membimbing murid menggunakan buku lejar pada pengajaran sebelum ini. Sekiranya murid-murid dibiasakan dengan aktiviti pelaporan perniagaan secara berterusan melalui projek jualan bakeri pada masa akan datang, pengamal-penyelidik yakin bahawa mereka akan lebih memahami dan mahir menggunakan buku lejar.

**Jadual 1 - Petikan buku lejar jualan donat semasa kitaran pertama yang dihasilkan oleh Ara**

Tarikh	Butir-butir	Debit	Tarikh	Butir-butir	Kredit
20 Jun	Untung kasar (60 biji donat x RM 1.50)	RM 90.00	20 Jun	Bahan-bahan inti durian	RM 15.00
				Bahan-bahan doh donat	RM 27.00
	Debit-kredit bersih)	(untung RM 48.00			

Jumlah	RM 42.00	Jumlah	RM 42.00
--------	----------	--------	----------

Secara keseluruhannya, melalui pelaksanaan projek pada kitaran kedua, pengamal-penyelidik mendapati bahawa Akel, Ara dan Titak semakin mahir dalam menyediakan donat dan membuat pemasaran serta jualan donat. Melalui perancangan yang tersusun, murid-murid dapat membiasakan diri terhadap aktiviti penyediaan, pemasaran dan jualan produk bakeri dengan lebih baik. Pengamal-penyelidik menyedari bahawa perancangan yang sistematik telah dapat membolehkan guru mencapai satu-satu objektif pengajaran yang dirancang. Murid-murid juga lebih memahami proses dan tujuan sesuatu pembelajaran yang diharapkan seterusnya mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari. Salah seorang murid pengamal-penyelidik, Akel telah menyatakan hasrat usai pelaksanaan projek bahawa dia berkeinginan untuk belajar kemahiran membuat kek dan bercita-cita untuk menjadi seperti ibu saudaranya yang merupakan peniaga kek yang berjaya. Kesimpulannya, pelaksanaan intervensi melalui penggabungan dua sukatan dalam mata pelajaran kemahiran vokasional telah dapat membantu pengamal-penyelidik menilai potensi dalam memupuk kebolehpasaran murid-murid melalui pendedahan kepada persekitaran pekerjaan yang sebenar.

## 5. Kesimpulan

Kajian tindakan ini dijalankan bukan bertujuan untuk membuktikan sama ada projek jualan bakeri berupaya ataupun tidak dalam meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli Semai. Sebaliknya, kajian tindakan ini merupakan titik permulaan bagi pengamal-penyelidik merancang, melaksanakan dan menilai strategi pengajaran dan pembelajaran harian yang menekankan kepada pembelajaran berasaskan kerja. Pada peringkat permulaan, pengamal-penyelidik telah menggariskan tiga isu fokus utama kajian iaitu pertama, pengamal-penyelidik menyedari bahawa kurangnya pengetahuan kandungan dan pedagogi sebagai guru dalam bidang pendidikan khas dan kemahiran vokasional. Kedua, berdasarkan pengamatan awal, pengamal-penyelidik mendapati bahawa komuniti orang asli Semai kurang menekankan aspek pendidikan terhadap anak-anak yang menyebabkan anak-anak mereka kurang keyakinan dan motivasi untuk meneruskan persekolahan. Akhir sekali, semasa PKP pandemik COVID-19, pengamal-penyelidik menyedari bahawa pengajaran kemahiran vokasional tidak bersesuaian dijalankan secara dalam talian dan jarak jauh apatah lagi apabila melibatkan murid-murid pendidikan khas.

Kajian ini merupakan permulaan kepada perjalanan pengamal-penyelidik sebagai seorang guru pendidikan khas bagi mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) untuk terus mereflek dan menambah baik amalan. Melalui kajian ini, pengamal-penyelidik telah menunjukkan bagaimana proses menambah baik pengetahuan kandungan dan pedagogi melalui kitaran, tindakan-refleksi dalam konteks amalan pengajaran sendiri (McNiff, 2017). Sebagai contoh, pada langkah kelima pelaksanaan intervensi, pengamal-penyelidik telah menghadiri kelas bakeri secara dalam talian bagi mempelajari kaedah pembuatan donat dan pada langkah ke-12, pengamal-penyelidik telah mempelajari ilmu pemasaran dan jualan daripada rakan kritis iaitu guru mata pelajaran Asas Perniagaan. Sebagai guru, pengamal-penyelidik menyedari tentang kepentingan untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan kandungan dan pedagogi agar dapat membimbing murid dengan sebaik mungkin. Perancangan pengajaran yang sistematik bukan sahaja penting untuk memastikan agar pelaksanaannya menjadi terancang, tetapi juga untuk membolehkan sesuatu objektif yang digariskan dapat dicapai.

Melalui kajian ini, pengamal-penyelidik juga mendapati bahawa projek jualan bakeri yang dijalankan bersama murid-murid orang asli Semai telah dapat memberikan pendedahan kepada mereka untuk membiasakan diri dengan persekitaran pekerjaan. Selain itu, murid-murid orang asli Semai juga telah diberikan pendedahan untuk bekerja dan berinteraksi dengan masyarakat di luar komuniti kampung mereka. Murid-murid orang asli telah dibimbing melalui projek jualan bakeri untuk mengupayakan kemahiran asas pekerjaan seperti kemahiran berkomunikasi, pemasaran dan keyakinan diri. Pengamal-penyelidik bercadang untuk menjalankan pembelajaran kemahiran melalui praktikal dengan lebih kerap dan konsisten melalui bimbingan terancang kerana ia dapat membantu mengembangkan potensi murid-murid (Mohamed, 2018). Pengamal-penyelidik juga berharap agar pembelajaran kemahiran melalui praktikal yang lebih kerap dan konsisten akan membolehkan murid-murid dapat berdikari dengan sendiri dalam melaksanakan aktiviti melalui pemantauan yang minimum daripada guru.

Situasi semasa PKP pandemik COVID-19 telah mengajar pengamal-penyelidik tentang peri pentingnya untuk bertindak dengan bijak dalam merancang, melaksanakan, mereflek, menilai dan membuat pengubahsuaian terhadap amalan pedagogi. Sebagai guru, pengamal-penyelidik bertanggungjawab dalam memodifikasikan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut situasi dan tahap murid terutama apabila melibatkan murid berkeperluan khusus seperti murid-murid orang asli Semai. Melalui projek jualan bakeri yang dilaksanakan semasa PKP pandemik COVID-19, pengajaran kemahiran vokasional telah dapat dijalankan di kediaman pengamal-penyelidik tanpa mengabaikan prosedur penjarakan fizikal dan kebersihan diri. Lantas, pengamal-penyelidik telah dapat menilai sejauh mana murid-murid dapat menguasai kebolehan teras seperti penyesuaian tingkah laku terhadap persekitaran, keselamatan dan kesihatan. Tanpa pengajaran kemahiran vokasional secara bersemuka, sukar untuk pengamal-penyelidik menilai tahap kebolehpasaran tersebut yang dipraktikkan oleh murid-murid.

Selain itu, pengalaman dalam menjalankan kajian tindakan ini telah mengajar pengamal-penyelidik tentang peri pentingnya aspek kolaborasi dan penglibatan dengan rakan kritis dalam membantu proses tindakan-refleksi sebagai

pengamal-penyelidik. Penglibatan dalam kumpulan rakan kritis telah dapat membantu pengamal-penyelidik dalam mengesahkan proses dan data kajian. Kumpulan rakan kritis ini juga telah membimbing pengamal-penyelidik dalam setiap proses kajian bermula dengan mengenal pasti isu dan cabaran, memerhati setiap proses tindakan yang dilakukan, membuat refleksi sendiri terhadap setiap tindakan dan banyak memberikan idea untuk tindakan-tindakan baharu. Pengamal-penyelidik juga menyedari bahawa sebagai pengamal dan penyelidik dalam masa yang sama, memang sukar untuk memberikan justifikasi yang jelas terhadap tindakan yang telah dilakukan. Namun, hasil kolaborasi dengan rakan kritis telah membantu memupuk kemahiran berfikir secara kritis dalam mereflek tindakan dan amalan profesionalisme pengamal-penyelidik.

Konklusinya, pembelajaran paling utama yang pengamal-penyelidik peroleh melalui kajian tindakan ini ialah pengetahuan praktikal dalam konteks amalan profesionalisme sendiri. Pengetahuan praktikal ini akan mempengaruhi amalan harian profesional pengamal-penyelidik sebagai guru. Sifat kajian tindakan bukan berbentuk sementara dan tidak mempunyai garis penamat, sebaliknya kajian seperti ini memberikan pembelajaran yang penting kepada pengamal-penyelidik yang mempengaruhi amalan profesionalisme mereka sendiri (McNiff, 2017). Melalui kajian ini, pengamal-penyelidik mempelajari bahawa sudah menjadi tanggungjawab seorang guru dalam memberikan pengajaran kemahiran yang bermakna dan kontekstual kepada murid-murid berdasarkan konteks mereka. Hal ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan dan kualiti hidup yang baik setelah tamat persekolahan kelak. Justeru, kajian ini akan dikembangkan dengan lebih meluas melalui projek berasaskan persekitaraan pekerjaan yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan pekerjaan dalam usaha pengamal-penyelidik menambah baik amalan sebagai guru Kemahiran Vokasional Spesifik (Pembuatan Roti) seterusnya meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli Semai dan murid-murid pendidikan khas yang lain.

## Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada pihak Susan Noffke Action Research Foundation, Collaborative Action Research Network (CARN) yang berpusat di United Kingdom atas galakan dan sokongan bagi melaksanakan kajian. Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian KPM.600-3/2/3-eras(7416) bertajuk *Action Research on Pandemic Pedagogy: Surviving Distance Teaching and Learning challenges in the era of COVID-19*.

## Rujukan

- Adnan, A. A. Z., Rosdi, S. A. M., & Samsudin, N. (2020). Entrepreneurship education: Orang asli and learning experience. *International Business Education Journal*, 13(1), 50-59
- Ab Rahman, A., Nozlan, N. N., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, M. F., & Zakaria, M. A. (2020). Isu penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan institusi pendidikan sewaktu COVID-19. *E-proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)*, 373-386
- Abdul Rahman, M. N. (2014). *Pembangunan model homeschooling berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak orang asli* [Doctoral dissertation, University of Malaya]. University of Malaya Students Resopitory
- Abdul Rahman, M. N., Idris M.R., Apu, K., & Hassan, F. (2020). Amalan guru prasekolah orang asli dalam pengurusan persekitaran pembelajaran berasaskan nilai dan amalan masyarakat orang asli. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 2
- Ab Rahman, R., Musa, R. A. S. R., & Fouzi, M. S. M. (2020). Kesiediaan dan motivasi pelajar kolej komuniti negeri Perak untuk menghadapi norma baharu sewaktu pandemik Coronavirus Disease (COVID-19): Pembelajaran secara atas talian. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 28-40
- Anthony, C., Constant, L., Culbertson, S., Glick, P., Kumar, K., Meili, R., & Vernez, G. (2015). *Making an Impact in the Kurdistan Region—Iraq: Summary of Four Studies to Assess the Present and Future Labor Market, Improve Technical Vocational Education and Training, Reform the Health Sector, and Build Data Collection Capacity*. RAND Corporation
- Ali, E., Che'Rus, R., Haron, M. A., & Hussain, M. A. M. (2018). Kebolehpasaran graduan pendidikan teknikal dan vokasional: Satu analisis. *Sains Humanika*, 10(3-3). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-3.1510>
- Balasundran, K., & Awang, M. (2020). Penggabungjalinan faktor-faktor dan hubungannya dengan pengaplikasian Whatsapp dalam kalangan guru sekolah rendah di zon Chini, Pekan. *Management Research Journal*, 9(2), 46-58

- Cannella-Malone, H. I., & Schaefer, J. M. (2017). A review of research on teaching people with significant disabilities vocational skills. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*, 40(2), 67–78. <https://doi.org/10.1177/2165143415583498>
- Carver, C. L., & Klein, C. S. (2013). Action research: A tool for promoting faculty development and continuous improvement in leadership preparation. *International Journal of Educational Leadership Preparation*, 8, 162-177
- Coghlan, D., & Brydon-Miller, M. (2014). Critical friends. In D. Coghlan & M. Brydon-Miller (Eds.), *The SAGE encyclopedia of action research* (pp. 207-208). Sage Publications Ltd. <https://dx.doi.org/10.4135/9781446294406>
- Coghlan, D., & Brydon-Miller, M. (2014). First person action research. In D. Coghlan & M. Brydon-Miller (Eds.), *The SAGE encyclopedia of action research* (pp. 350-353). Sage Publications Ltd. <https://dx.doi.org/10.4135/9781446294406>
- Dentan, R. (2001). Ambivalences in child training by the Semai of peninsular Malaysia and other peoples. *Crossroads: An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, 15(1), 89-129
- Efriana, L. (2021). Problems of online learning during COVID-19 pandemic in EFL classroom and the solution. *JELITA: Journal of English Language Teaching and Literature*, 2(1), 38-47
- Esin, C., Fathi, M., & Squire, C. (2014). Narrative analysis: The constructionist approach. U. Flick (Ed.), *The SAGE handbook of qualitative data analysis* (pp. 203-216). Sage Publications Ltd. <https://dx.doi.org/10.4135/9781446282243>
- Fátima, S. (2016). Employability skills of higher education graduates: Little consensus on a much-discussed subject. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 228, 169–174
- Fisher, H., & Louw, I. (2020). Teaching mise-en-place: Student perceptions of the cooking pro forma process. *International Journal of Gastronomy and Food Science*, 22, 100245. <https://doi.org/10.1016/j.ijgfs.2020.100245>
- Feldman, A., Altrichter, H., Posch, P., & Somekh, B. (2018). *Teachers investigate their work: An introduction to action research across the professions (3rd ed.)*. Routledge
- Hairia'an, N. H., & Dzainudin, M. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28
- Hashim, S., Yaakub, R., & Ahmad, M. Z. (2007). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS Professional
- Herr, K., & Anderson, G. L. (2014). *The action research dissertation: A guide for students and faculty (2nd ed.)*. Sage Publications Ltd
- Howell, C. J., Schwabe, K. A. & Samah, A. H. A. (2010). Non-timber forest product dependence among the *Jah Hut* subgroup of peninsular Malaysia's Orang Asli. *Environment, Development and Sustainability*, 12, 1–18. <https://doi.org/10.1007/s10668-008-9176-x>
- Jabatan Pembangunan Kemahiran, [JPK]. (2015). Kebolehan teras. z-00901:2015. *Standard Kompetensi Kebangsaan*. Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Jabatan Pembangunan Kemahiran, [JPK]. (2011). Pembuatan Roti. HT-013-2:2011. *Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan*. Jabatan Pembangunan Kemahiran
- Kementerian Pendidikan Malaysia, [KPM]. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Kementerian Pendidikan Malaysia, (2020). *Surat pemakluman mengenai pelaksanaan kurikulum selari dengan pembukaan semula sekolah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Levin, H. M. (2015). The importance of adaptability for the 21st century. *Society*, 52(2), 136–141. <https://doi.org/10.1007/s12115-015-9874-6>



- Kemmis, S., McTaggart, R., & Nixon, R., (2014). *The action research planner: Doing critical participatory action research*. Springer
- Marzuki, M., Mapjabil, J., & Zainol, R. M. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189-198
- McNiff, J. (2007). My story is my living educational theory. In D. J. Clandinin (Ed.), *Handbook of narrative inquiry: Mapping a methodology* (pp. 308–329). Sage Publications Ltd
- McNiff, J., & Whitehead, J. (2012). *Action research for teachers: A practical guide*. Routledge
- McNiff, J. (2017). *Action research: All you need to know*. Sage Publications Ltd
- Mills, A. J., Durepos, G., & Wiebe, E. (Eds.). (2012). *Encyclopedia of case study research*. Sage Publications Ltd
- Mohd Harun, M. F., Hj Idris, N., Berma, M., & Shahadan, F. (2006). Kemiskinan di kalangan masyarakat orang asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 40, 95-101
- Mohamed, A. R. (2018). Peranan pedagogi dan atribut persembahan video sebagai bahan bantu pengajaran didaktik bagi pemasangan dan pendawaian elektrik di Kolej Vokasional [Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia]. Institutional Repository University Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohamad Nasri, N., Husnin, H., Mahmud, S. N. D., & Halim, L. (2020). Mitigating the COVID-19 pandemic: a snapshot from Malaysia into the coping strategies for pre-service teachers' education. *Journal of Education for Teaching*, 1-8. <https://doi.org/10.1080/02607476.2020.1802582>
- Mohamad Sattar, R., Md Yusof, I., Napsiah, I., Rashid, R., & Roseannah, A. R. (2009). Aspek kemahiran 'employability' yang dikehendaki majikan industri pembuatan masa kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 67–79
- Mohamad Sattar, R., & Puvanasvaran, A. P. (2009). Importance of employability skills as perceived by employers of Malaysian manufacturing industry. *Journal of Human Capital Development*, 2(2), 23–35
- Mohamed Yusof, A., Mohd Ali, M., & Mohd Noor, N. (2020). Penerapan Kemahiran Kebolehgajian terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. *Online Journal for TVET Practitioners*, 5(1), 36-42. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/6052>
- Mustapha, R. (2020). Human capital, aspiration and career development of orang asli youth in peninsular Malaysia. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*, 2
- Mohd Shafie, B. (2020). Pelaksanaan PdPc dalam Talian (OLL) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan 2 COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 213-221
- Nasir, A. N. M., Udin, A., Ahmad, A., Noordin, M. K., & Ali, D. F. (2014). Kajian keperluan kerangka pengajaran praktikal subjek elektronik di kolej vokasional. In M. S. Nordin, N. F. Amin, D. F. Ali, A. Royo & N. Suhairom (Eds.), *TVEIS International Seminar on Technical and Vocational Education* (pp. 1-5). Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia
- Nordin, A., & Lada, S. (2019). Media sosial dan pemasaran produk industri kecil dan sederhana (iks) di wilayah persekutuan labuan, Malaysia: Kata kunci: Media sosial, siri-ciri inovasi, ciri-ciri penerimaan dan pengaruh persekitaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 32-44
- O'Hanlon, C. (2009). Using action research to support students with special educational needs. *The SAGE handbook of educational action research*, 118-130. <https://dx.doi.org/10.4135/97808057021021>
- Reason, P., & Torbert, W. (2001). The action turn: Toward a transformational social science. *Concepts and Transformation*, 6(1), 1-37. <https://doi.org/10.1075/cat.6.1.02rea>
- Salleh, M. J., & Ahmad, A. R. (2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat orang asli. In A. R. Ahmad & Z. Mohd Jelas (Eds.), *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya* (pp. 47-58). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Schultz, T. W. (1961). Investment in human capital. *The American Economic Review*, 51(1), 1-17.

Shukor, M. F. A., Mustaffa, F., Hassan, M. S., Yusof, N., & Lokman, T. M. W. (2020). Pengaruh sikap terhadap penerimaan terhadap pasukan kerja di kolej universiti islam melaka. *Jurnal Sains Sosial*, 5(1), 78-86

Stenhouse, L. (1975). *An introduction to curriculum research and development*. Heinemann Educational Books

Syauqi, K., Munadi, S., & Triyono, M. B. (2020). Students' perceptions toward vocational education on online learning during the COVID-19 pandemic. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9(4), 881-886.

Talib, J., & Muslim, N. (2007). Bagaimana kanak-kanak orang asli gagal di sekolah?. *MALIM; Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8, 51-76

Wahab, N. A., Jaafar, R., & Sunarti, S. (2020). Involvement of orang asli youth in vocational education and training in Malaysia: Aspirations and outcomes. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 10(2), 18-26

Whitehead, J. (1989). Creating a living educational theory from questions of the kind, 'How do I improve my practice?'. *Cambridge Journal of Education*, 19(1), 41-52

Yusof, H. M., Mustapha, R., Mohamad, S. A. M. S., & Bunian, M. S. (2012). Measurement model of employability skills using confirmatory factor analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 56, 348-356

Zainun, Z., Razalli, A. R., Kamis, A., & Hock, K. E. (2020). The implementation of industrial training for students with a disability: the role of adaptability in enhancing their workplace well-being. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 12(7), 221-235

Zainun, Z., Razalli, A. R., & Saad, K. M. (2020). The use of cipp model in carrying out the teaching of specific vocational skills among special needs students with average ability. In A. Y. Abu Bakar, M. M. Tahar & M. H. Mohd Yasin (Eds.), *Global Conference Series: Social Sciences Education and Humanities: Vol.4. International Conference on Special Education In South East Asia Region 10th Series 2020*. (pp. 489-493). Redwhite Press. <https://doi.org/10.32698/GCS-04329>